

'Undur ketika popular wajar dicontohi'

Oleh Noorwati Salleh,
Amirullah Andi Nur, Mohd
Hamizar Hamid, Tuan Nazuri
Tuan Ismail, Johan Afandi
dan Asrol Awang

- BH 23/6/03

KUALA LUMPUR Pemimpin peringkat negeri menganggap keputusan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berundur ketika masih popular sebagai langkah yang tepat dan perlu dicontohi semua pihak.

Di IPOH, Menteri Besar Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali berpendapat Perdana Menteri yang juga

Presiden Umno yang akan melepaskan kedua-dua jawatan itu Oktober ini, mengambil langkah tepat.

"Ini kerana Dr Mahathir berundur beliau berada di kemuncak dan saya melihat tindakannya sebagai sesuatu yang 'hebat'.

"Oleh itu, Dr Mahathir berhak menerima sanjungan daripada semua rakyat negara ini lebih-lebih lagi selepas 22 tahun berkhidmat dan memberikan sumbangan yang terlalu banyak kepada negara," katanya.

Beliau berkata, terdapat sebuah buku berbahasa Inggeris bertajuk *Knowing When To Quit* yang turut memberikan panduan bila masa yang sesuai untuk seseorang itu melepaskan satu-satu jawatan.

"Saya tidak tahu sama ada Dr Mahathir ada membacanya atau tidak, tetapi pada pemahaman saya tindakan beliau mengundurkan diri bertepatan dengan masa, iaitu ketika berada di kemuncak.

Di ALOR STAR, Ketua Pergerakan Wanita Umno Kedah, Rosnah Majid berkata, pemimpin sedia ada patut mencontohi keputusan Dr Mahathir untuk berundur ketika masih popular, bagi memberi laluan kepada pemimpin muda lain.

Katanya, sikap Perdana Menteri adalah berbeza dengan pemimpin lain di dunia yang dipaksa berundur selepas tidak popular.

"Kita lihat bagaimana bekas Perdana Menteri Britain, Margaret Thatcher, dipaksa berundur dan meletakkan jawatan kerana sudah tidak popular dan tiada siapa yang menangis untuknya," katanya ketika dihubungi, semalam.

Rosnah yang juga ahli Exco kerajaan negeri berkata, keadaan itu berbeza apabila semua rakyat Malaysia bersedih apabila Perdana Menteri mahu bersara, malah ada yang menangis.

"Tidak semua pemimpin boleh

menentukan tarikh untuk bersara kerana mereka perlu pastikan negara dalam keadaan aman. Tetapi Perdana Menteri sudah membawa Malaysia ke landasan yang betul dan beliau bersara ketika popular. Ini adalah tindakan bijak," katanya.

Di KOTA KINABALU, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah, Datuk Musa Aman berkata ingatan dan teladan Perdana Menteri itu adalah contoh yang baik, bukan saja untuk Umno, malah negara seluruhnya.

Sambil menyifatkan ia satu lagi formula terbaik dari seorang pemimpin agung, beliau berkata seseorang itu tidak sewajarnya menjadikan alasan kononnya tidak lagi diterima rakyat atau ahli parti apabila berbuat demikian.

"Dr Mahathir sudah pun memberi contoh yang baik dan wajar diikuti. Janganlah memberi alasan, kita berundur kerana kita tidak lagi diterima oleh rakyat atau parti kita," katanya.

Musa yang juga Ketua Menteri,

berkata cadangan Perdana Menteri itu sememangnya sesuai digunakan termasuk di Sabah.

"Kita lihat ia sesuai (ingatan itu) tidak hanya di Sabah malah seluruh negara. Kita mesti sedar, kita jadi ketua bila kita dipercayai rakyat tapi apabila sebaliknya, kita harus undur diri," katanya.

Di KUANTAN, Ketua Umno Bahagian Raub, Datuk Shahiruddin Ab Moin, berkata Dr Mahathir adalah pemimpin jujur dan ikhlas dengan meletakkan kepentingan parti, bangsa dan negara.

"Bagi Dr Mahathir, kepentingan diri tiada dalam kamus hidupnya dan tindakannya berundur ketika berada di puncak kejayaan, perlu dicontohi semua pihak, terutama generasi baru Umno," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Ketua Wanita Umno Pahang, Datuk Maznah Mazlan, berkata keputusan untuk berundur adalah hak individu dan bergantung kepada keadaan serta pertimbangan masing-masing.

"Dr Mahathir mengambil ke-

putusan untuk bersara selepas 22 tahun berkhidmat untuk parti dan apa yang dilakukannya adalah memang wajar serta sesuai baginya.

"Bagaimanapun, jika semua mengambil keputusan seperti Dr Mahathir, ia akan menyebabkan parti akan kehilangan pemimpin berkaliber. Keputusan untuk berundur pada ketika popular perlu bergantung kepada kesesuaian," katanya.

Ketua Puteri Umno Pahang, Shahaniza Shamsuddin, berkata ucapan penggulungan Dr Mahathir dengan mood tidak beremosi memberi keyakinan kepada semua pemimpin, perwakilan serta ahli Umno untuk meneruskan perjuangan parti.

"Walaupun sedih dengan pengunduran pemimpin yang sangat disayangi, Dr Mahathir mampu memberi semangat kepada kita supaya terus meningkatkan kecemerlangan yang dinikmati sekarang dengan memberi sokongan padu kepada pengantunya iaitu Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi," katanya.

Di PASIR GUDANG, Pengerusi Biro Hal Ehwal Agama Islam Umno Terengganu, Tan Sri Dr Yusof Noor berkata, tradisi pemimpin berundur ketika sedang popular perlu menjadi amalan dan peringatan kepada pemimpin Umno sedia ada.

"Lihat Tun Hussein (Onn) yang berundur bagi memberi peluang kepada Dr Mahathir. Ia menunjukkan Umno tidak hanya bergantung kepada satu pemimpin saja," katanya.

"Kita harap perkara sama turut diamalkan di peringkat bahagian dan cawangan bagi memastikan Umno tidak ketandusan pemimpin pelapis," katanya.